NUR3916	Latihan Klinikal VI/ <i>Clinical Practice VI</i>	4	0	4
JUMLAH		18	9	9

TAHUN 4/ 4TH YEAR

SEMESTER 1/ 1ST SEMESTER

Kod Kursus/ Course Code	Nama Kursus/ Course Name	Kr	K	A/T
NUR4999	Projek Ilmiah Tahun Akhir/ <i>Final Year Project</i>	2	0	2
NUR3405	Intervensi Kesehatan Komuniti/ <i>Community Health Intervention</i>	3	1	2
NUR3520	Perawatan Kesehatan Mental/ <i>Mental Health Care</i>	2	1	1
NUR3917	Latihan Klinikal VII/ <i>Clinical Practice VII</i>	3	0	3
	Elektif/ <i>Elective</i>	4	1	3
JUMLAH		14	3	11

SEMESTER 2/ 2ND SEMESTER

Kod Kursus/ Course Code	Nama Kursus/ Course Name	Kr	K	A/T
NUR4999	Projek Ilmiah Tahun Akhir/ <i>Final Year Project</i>	4	0	4
NUR3521	Jagarawatan Warga Emas/ <i>Care of The Older Person</i>	3	2	1
NUR3918	Latihan Klinikal VIII/ <i>Clinical Practice VIII</i>	3	0	3
	Elektif/ <i>Elective</i>	4	1	3
JUMLAH		14	3	11

SINOPSIS KURSUS/ COURSE SYNOPSIS

Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan/ Department of Environment and Occupational Health

EOH3101 Prinsip Kesihatan Persekitaran/ *Principles of Environmental Health* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menumpukan kepada prinsip salingkait kesihatan dan persekitaran, impak pembangunan fizikal dan cara gaya hidup terhadap kesihatan, perubahan tren dan keadaan penyakit dan kepentingan pembangunan mampan di dalam pencegahan dan pengawalan masalah kesihatan persekitaran. Kepentingan kaitan antara masalah kesihatan persekitaran, status psikologi dan sosio-ekonomi masyarakat juga dibincang

This course focuses on the principles in interrelationship of health and the environment, impact of physical development and lifestyles on health, changes in disease trend and state and the importance of sustainable development in the prevention and control of problems in environmental health. The importance on the relationship between environmental health problems, psychological and socio-economic status of the community is also discussed

EOH3103 Kesihatan Komuniti dan Pencemaran Udara/ *Community Health and Air Pollution* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi proses-proses kimia dan fizikal yang menyumbang terhadap pencemaran udara dan kesan pencemaran udara terhadap kesihatan manusia secara terperinci dari sudut epidemiologi dan kesihatan awam. Kesan kepada kesihatan komuniti akut dan kronik dari ramalan model pencemaran turut dibincangkan

This course covers chemical and physical processes which contribute to air pollution, and the effects of air pollution from epidemiological and public health perspectives. Acute and chronic public health effects predicted from pollution models will also be discussed

EOH3202 Kesihatan Pekerjaan/ *Occupational Health* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi perbincangan mengenai kesihatan, keselamatan dan kebajikan pekerja serta organisasi dan fungsinya. Masalah kesihatan yang disebabkan oleh agen penyakit yang berkait dengan pelbagai jenis pekerjaan akan diterangkan dengan mendalam. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada isu pampasan pekerja serta tekanan dan keganasan di tempat kerja. Selain itu, prinsip kesihatan pekerjaan, prinsip pencegahan dan langkah pengawalan akan dibincangkan

This course covers discussions regarding health, safety, and welfare of workers and organizations and its functions. Health problems which arise from various work related disease agents will be explained in detail. This course also provides exposure on issues with workers compensation as well as job stress and violence at the workplace. In addition, this course will discuss on the principles of occupational health and principles of prevention and control

EOH3203 Higin Industri/ *Industrial Hygiene* 3 (0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada prinsip, teori dan alatan yang biasa digunakan di dalam pemantauan hazad di dalam bidang Kesihatan Pekerjaan, latihan meliputi kaedah penggunaan yang betul bagi alatan di dalam makmal serta ketika menjalankan kerja lapangan

This course encompasses introduction to the principles, theories and common instruments used to monitor hazard in occupational health, the training includes the correct usage of equipment in a laboratory setting and during field-work

EOH3206 Keselamatan Industri Dan Tindakan Kecemasan/ *Industrial Safety and Emergency Response* 4 (4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan pengurusan keselamatan, amalan serta budaya kerja selamat di pelbagai industri menerusi kaedah pengenalanpastian, penilaian dan kawalan hazard di tempat kerja yang berbeza termasuklah penyiasatan dan analisis kemalangan di dalam industri yang mengintegrasikan keselamatan dan pencegahan kebakaran di tempat kerja serta persediaan tindakan kecemasan

This course encompasses concepts and management of safety, best practices as well as safety cultures in various industries through different methods of identification, evaluation and control of work place hazards including industrial accident investigation and analysis which integrate workplace fire safety and prevention as well as emergency response preparedness

EOH3304 Perundangan Dan Etika Profesional Kesihatan Persekitaran Dan Pekerjaan/ *Environmental and Occupational Health Laws and Professional Ethics* 4 (4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi akta dan peraturan yang berkaitan dengan kesihatan persekitaran dan pekerjaan; membincangkan struktur dan kandungan akta, rangka perundangan dan pematuhan peraturan yang berkaitan; teknik mentadbir dan kemahiran sosial dalam pengawalan persekitaran masyarakat dan tempat kerja

This course encompasses the acts and regulations pertaining to environmental and occupational health; discussion on the structure and content of the act, legal framework and compliance of related regulations; administrative techniques and social skill in controlling community and working environment

EOH3306 Pengurusan Bahan Toksik Dan Sisa Pepejal/ *Management of Toxic Substances and Solid Wastes* 3 (3+0)

Prasyarat : EOH3304

Kursus ini merangkumi pengurusan bahan toksik serta pembuangan sisa toksik di tempat kerja dan pembuangan sisa pepejal untuk kepentingan kesihatan dan keselamatan pekerja dan komuniti. Pengurusan serta penggunaan bahan kimia secara sistematik dan langkah pengawalan bersesuaian untuk mencegah pendedahan serta kemalangan. Perundangan berkaitan pengurusan serta perlupusan sisa toksik dan sisa pepejal serta juga diberi fokus

This course covers the management of toxic substances in workplace as well as the disposal of toxic and solid wastes, essential for the promotion of health and safety of workers and the community. Systematic management as well as the use of chemicals and appropriate control measures can prevent exposure and accidents. Regulations related to management of toxic substances and disposal of solid wastes will also be focused

EOH3307 Biostatistik Kesihatan Persekitaran Dan Pekerjaan/ *Environmental and Occupational Health Biostatistics* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada penggunaan analisis- analisis tertentu untuk bentuk data yang berbeza. Penerangan kepada perbezaan dan perkaitan dalam kajian. Pemilihan saiz sampel dan bentuk kajian yang sesuai serta ujian yang penting di dalam statistik

This course covers the introduction to certain types of analysis for different forms of data. Explanation to differences and relationships in research. Sample size estimation and the correct type of research including important tests in statistics

EOH3401 Prinsip Kesihatan/ *Principles of Health*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi definisi dan konsep kesihatan, proses kejadian penyakit, prinsip asas dan strategi pencegahan penyakit; pengaruh faktor persekitaran, faktor risiko, agen penyebab, cara hidup dan tingkah laku, patofisiologi, rawatan serta strategi tindakan pencegahan dan penjagaan kesihatan akan dibincangkan dengan mengambil contoh penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit, kanser dan gangguan mental

This course covers the concept and definitions of health, wellness, disease occurrence processes, basic principles and strategies for disease prevention; influence of environmental factors, risk factors, causative agents, lifestyles and behavioral factors, patho-physiology, treatment and prevention strategies are discussed by giving examples of infectious diseases, non-infectious diseases, cancer and mental disorders

EOH3402 Pengurusan Program Kesihatan Komuniti/ *Community Health Program Management* 3 (3+0)

Prasyarat : EOH3401

Kursus ini merangkumi prinsip asas, unsur dan urutan langkah yang penting dalam pengurusan program kesihatan komuniti. Model membuat keputusan, fungsi dan strategi pengurusan dalam perancangan, pelaksanaan, penilaian berkualiti program kesihatan komuniti, metodologi penganalisan dan jenis sistem kesihatan sebagai asas kepada pengurusan program akan dibincangkan. Program kawalan dan pencegahan penyakit akan diguna sebagai contoh pengurusan program kesihatan komuniti

This course covers the basic principles, essential elements and sequential steps required in community health program management. Decision making models, quality management functions and strategies in planning, implementation, evaluation of community health programs, analysis methodology and types of health care systems as a basis for the program management will be discussed. Disease control and prevention will be used as an example of community health program management

EOH3403 Kawalan dan Pengurusan Penyakit Berjangkit/ *Control and Management of Communicable Diseases* 3 (3+0)

Prasyarat : EOH3401

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada prinsip epidemiologi dan pengawasan penyakit berjangkit bawaan vektor, udara, air, makanan dan tularan seks. Skop pembelajaran meliputi aspek asas klinikal, cara penularan, saringan, diagnosis, notifikasi dan pelaporan. Penekanan diberi kepada pengurusan epidemik termasuk promosi, pencegahan dan kawalan wabak

This course encompasses introduction to principles of epidemiology and surveillance of communicable diseases including vector-borne diseases, food and waterborne diseases, airborne diseases and sexually transmitted diseases. The scope includes basic clinical aspects, modes of transmission, screening, diagnosis, notification and reporting. Emphasis are given to epidemic management including promotion, prevention and control of outbreak

EOH3404 Kawalan dan Pengurusan Penyakit Tidak Berjangkit/ *Control and Management of Non-Communicable Diseases* 3 (3+0)

Prasyarat : EOH3401

Kursus ini merangkumi epidemiologi penyakit tidak berjangkit seperti penyakit kardiovaskular, diabetes melitus, kanser, penyakit pernafasan kronik dan kemalangan jalan raya. Faktor risiko, ujian saringan, rawatan dan pencegahan akan dibincangkan. Implikasi diagnosis penyakit dan rawatan terhadap gaya hidup pesakit, ahli keluarga dan pekerjaan akan turut dibincangkan

This course encompasses the epidemiology of non-communicable diseases such as cardiovascular disease, diabetes mellitus, cancer, chronic respiratory diseases and road traffic accidents. Risk factors, screening tests, treatment and preventive measures will be discussed. The implication of diagnosis and treatment to patient's lifestyle, family members and occupation will also be discussed

EOH3405 Parasitologi Persekitaran/ *Environmental Parasitology* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi asas parasitologi dan entomologi dalam kesihatan persekitaran serta peranan parasit dan artropod terhadap kesihatan manusia. Aplikasi pencegahan penyakit dalam mempromosi kesihatan komuniti akan turut dibincangkan

This course covers the basic of parasitology and entomology in environmental health, as well as the role of parasites and arthropods toward human health. The application of disease prevention in the promotion of community health will also be discussed

EOH4959A/B Disertasi Bachelor/ *Bachelor Dissertation* 6 (0+6)

Prasyarat : EOH4306

Kursus ini merangkumi penyediaan cadangan projek, pelaksanaan, pengumpulan dan analisis data dengan mengambilkira isu etika penyelidikan. Pelajar perlu membentangkan hasil penyelidikan dan menyediakan kertas ilmiah

This course encompasses the preparation of the research proposal, implementation, collection and analysis of data with ethical issues taken into consideration. Students are required to present the research findings and produce the dissertation

EOH4101 Pemantauan dan Analisis dalam Kesihatan Persekitaran/ *Environmental Health Monitoring and Analysis* 3 (2+1)

Prasyarat : EOH3103

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada prinsip dan teknik pemantauan, kaedah piawaian, kawalan kualiti dan penganalisaan sampel dari sumber hazard fizikal, kimia dari alam persekitaran dan biologikal dari manusia. Pelajar akan dapat menginterpretasi hasil analisis untuk impak kesihatan persekitaran terhadap masyarakat

This course encompasses the introduction to principles and techniques of monitoring, standard method, quality control and sample analysis for physical, chemical hazards originated from environmental sources and biological samples from humans. Students will be able to interpret the results of the analysis for environmental health impact on the community

EOH4103 Polisi Dan Perancangan Kesihatan Persekitaran/ *Environmental Health Policy And Planning* 3 (3+0)

Prasyarat : EOH3304

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada merumus polisi kesihatan persekitaran melalui penyediaan teras bagi perancangan dan penilaian program intervensi kesihatan persekitaran; di samping itu penekanan terhadap konsep asas dan kemahiran untuk merangka perjanjian yang berkaitan isu alam sekitar bagi mengekalkan kelestarian manusia dan semulajadi sumber alam secara global. Kursus ini juga memberi penekanan kepada cabaran semasa serta kaedah menyelesaikan isu alam sekitar dan kesihatan manusia yang dihadapi oleh pegawai kerajaan, penggubal polisi dan pihak berkepentingan samada di Malaysia dan di arena antarabangsa.

This course covers an introduction to the formulation of environmental health policies through providing a foundation for planning and evaluation of environmental health intervention programs; in addition, fundamental concepts and skills in developing accords related to environmental issues for preserving human sustainability and global environmental resources. This course will address the ongoing challenges and methods in solving environmental issues and human health faced by governmental officials, policy makers, and stakeholders in Malaysia and the international arena

EOH4104 Kualiti Air Dalam Kesihatan Persekitaran/ *Water Quality in Environmental Health* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi definisi dan konsep kualiti air dan kepentingan bekalan air yang selamat dan mencukupi dari segi kesihatan komuniti. Pelajar akan diberi pendedahan kepada teori dan aplikasi strategi persekitaran dan pencemaran dari aspek objektif kualiti persekitaran dan amalan opsyen praktikal terbaik, termasuk mengkaji rangkakerja perkanunan dan perundangan yang mengawal aktiviti pengurusan kualiti air di Malaysia. Aspek kejuruteraan kawalan kualiti serta pengenalan kepada penyelidikan berasaskan air dan kaitan dengan kesihatan manusia juga diberi penekanan

This course covers the definitions and concepts of water quality and on the importance of safe and adequate water supply in terms of public health. Students will be given exposure to the theory and application of environmental and pollution strategies in the aspects of environmental quality and best practice environmental options, including examining the statutory and regulatory frameworks controlling water quality management activities in Malaysia. Engineering aspects of quality control and introduction to water-based research and the relationship with human health are also covered

EOH4201 Ergonomik/ *Ergonomics* 3 (3+0)

Prasyarat : EOH3203

Kursus ini merangkumi konsep dan kaedah ergonomik industri dan kegunaannya di dalam proses penyesuaian tugas dan persekitaran kerja kepada manusia melalui pemahaman fisiologi, biologi manusia, biomekanik dan psikologi

This course encompasses on industrial ergonomics concepts and methods and its applications in the process of adapting work tasks and environment to human through the understanding of human physiology, human biology, biomechanics and psychology

EOH4202 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan/ *Occupational Safety and Health Management System* 3 (3+0)

Prasyarat : EOH3202

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada prinsip pengurusan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja termasuk peruntukan yang terdapat di dalam SPKKP berdasarkan piawaian kebangsaan dan antarabangsa. Perbandingan di antara SPKKP yang diamalkan dipelbagai tempat kerja serta prinsip pengauditan sistem pengurusan tersebut juga dibincangkan

This course encompasses the introduction on the principles of managing health and safety in an occupational setting including elements of OHSMS based on national and international standards. Comparisons of OHSMS in various work places as well as the principles of management system auditing are also discussed

EOH4301 Toksikologi Industri dan Persekitaran/ *Industrial and Environment Toxicology* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas toksikologi dan mekanisma tindakbalas bahan kimia yang menjadi asas kepada kesan buruk terutama kepada kesihatan pekerja dan masyarakat

This course encompasses the general principles of toxicology and the mechanism of actions of chemical(s) underlying the adverse health effects observed especially among workers and the general public

EOH4302 Epidemiologi Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan/ *Environmental and Occupational Health Epidemiology* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan kepada pelajar kepada pendekatan epidemiologi dalam memahami penyebab dan jenis penyakit yang berpunca dari pendedahan di persekitaran dan tempat kerja, peranan penyelidikan epidemiologi dalam bidang Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan dan kesesuaian rekabentuk kajian terhadap kajian-kajian kes dalam kesihatan persekitaran dan pekerjaan

This course will expose students to epidemiological approaches in understanding the causation and types of diseases as a result of environmental and occupational exposures, the role of epidemiological research in Environmental and Occupational Health fields and the suitability of research designs for various case studies in environmental and occupational health

EOH4304 Penilaian Pendedahan dan Risiko Kesihatan Bahan Kimia/ *Assessment of Exposure and Chemical Health Risk* 3 (3+0)

Prasyarat : EOH4301

Kursus ini merangkumi konsep dan kaedah penilaian pendedahan dan risiko kesihatan tempat kerja di dalam membuat keputusan bagi organisasi dan masyarakat. Pengetahuan dan kemahiran untuk penilaian dan perhitungan risiko kimia di tempat kerja dan strategi kawalan pencegahan akan dibincangkan

This course encompasses the concepts and methods of exposure and health risk assessments in the workplace in decision making for an organization and community. Knowledge and skills for the assessment and quantification of chemical risks in the workplace and strategies for preventive control will be discussed

EOH4306 Kaedah Penyelidikan Kesihatan/ *Health Research Methodology* 4 (3+1)

Prasyarat : EOH3307

Kursus ini merangkumi penggunaan prinsip biostatistik, prinsip penyelidikan dan teknik persampelan dalam bidang Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan dalam menyediakan kertas cadangan penyelidikan

This course encompasses the use of biostatistics principles, research principles and sampling techniques in developing research proposals in the fields of Environmental and Occupational Health

DTK3102 Pengurusan Perkhidmatan Makanan Institusi I/ *Institutional Foodservice Management I* 3 (3+0)

Prasyarat : DTK3101

Kursus ini meliputi sistem pengurusan perkhidmatan makanan. Ia merangkumi prinsip dan konsep pengurusan pelbagai jenis operasi perkhidmatan makanan yang memenuhi keperluan rekabentuk premis dan peralatan. Komponen penting dalam sistem perkhidmatan makanan bermula dari perancangan menu kepada perolehan barangan ditekankan. Peluang aktiviti keusahawanan dalam perkhidmatan makanan didedahkan

This course includes systems in foodservice management. It encompasses principles and concepts of managing various foodservice operations which fulfill the design layout and equipment needs. Important components in a foodservice system, beginning from menu planning to purchasing. Entrepreneurial opportunities in foodservice are exposed

DTK3103 Pengurusan Perkhidmatan Makanan Institusi II/ *Institutional Foodservice Management II* 3 (1+2)

Prasyarat : DTK3102

Kursus ini menekankan latihan amali pengeluaran makanan berkuantiti yang berkualiti dan selamat dengan pengawalan kos dan bahan dalam penjaan pendapatan. Pendedahan kepada sistem perkhidmatan makanan pelbagai institusi turut ditekankan

This course emphasises on practical training on quality and safe quantity production of foods with a control on cost and materials in garnering income. Exposure to various institutional foodservice systems are also emphasised

DTK3210 Asas Immunologi Pemakanan/ *Basic Nutritional Immunology* 2 (2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pengenalan kepada konsep imuniti dan sistem imun dengan memberi penekanan kepada komponen nutrient dalam pemeliharaan sistem imun yang normal. Mekanisme nutrien dalam induksi inflamasi, fisiologi sel imun dan penyakit berkaitan pemakanan turut diperincikan. Kesan pemakanan dan aktiviti fizikal terhadap sistem imun turut dibincangkan.

The course includes an introduction to the concept of immunity and the immune system with emphasis on nutrient components in the maintenance of normal immune system. Mechanisms of nutrients in the induction of inflammation, immune cell physiology and diet-related disease are also specified. Effects of diet and physical activity on the immune system are discussed

DTK3211 Patofisiologi Dan Pengurusan Klinikal Penyakit/ *Pathophysiology and clinical management of diseases* 3 (3+0)

Prasyarat : PKK3204

Kursus ini meliputi aspek patofisiologi penyakit. Ia juga merangkumi interpretasi aspek biokimia dan klinikal penyakit, disusuli dengan diagnosis, pengurusan perubatan dan farmakologi penyakit

This course includes pathophysiological aspects of diseases. It also covers interpretation of biochemical and clinical aspects of diseases followed by diagnosis, medical management and pharmacological of diseases

DTK3212 Penilaian Taraf Pemakanan Dan Kesihatan Pesakit/ *Assessment of Nutritional and Health Status of Patients* 3 (2+1)

Prasyarat : PKK3200

Kursus ini merangkumi penilaian taraf kesihatan dan pemakanan pesakit sebagai sebahagian daripada Proses Penjagaan Pemakanan. Kemahiran dalam penggunaan pelbagai kaedah penilaian taraf pemakanan dan kesihatan pesakit turut ditekankan. Ia juga merangkumi interpretasi data penilaian pemakanan dan kesihatan dengan membandingkannya dengan piawai

This course encompasses the assessment of health and nutritional status in patients as a component of Nutrition Care Process. Proficiency in the use of various methods of assessing nutritional status and health of the patient are emphasized. It also covers the interpretation of nutrition and health assessment data in comparison to standard

DTK3213 Pengenalan Kepada Perkhidmatan Di Hospital/ *Introduction to Hospital Services* 1 (0+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan kursus berasaskan pengalaman yang memberikan pendedahan awal kepada perkhidmatan dietetik klinikal. Penekanan diberikan kepada sistem pengurusan rekod pesakit, dan pemesanan diet. Aplikasi penilaian status pemakanan pesakit berdasarkan komponen Proses Penjagaan Pemakanan

This course is an experience-based course that provides early exposure to clinical dietetic services. Emphasis is given to the patient record management system, and ordering diet. Applications based on the patient's nutritional status Nutrition Care Process component

DTK3214 Amalan Tingkahlaku Profesional/ *Practice of Professional Behaviour* 1 (0+1)

Prasyarat : DTK3213

Kursus ini merupakan kursus berasaskan pengalaman yang memberikan pendedahan kepada perkhidmatan dietetik klinikal melalui aplikasi Proses Penjagaan Pemakanan pesakit. Penekanan diberikan kepada amalan tingkahlaku profesional sebagai seorang dietitian, serta etika dan tatacara dalam mendekati pesakit. Teknik kaunseling individu dan berkelompok dibincangkan secara berkumpulan

This course is an experience-based course that provides exposure to clinical dietetic services through the application of Nutrition Care Process. Emphasis is given to practice of professional behaviour, ethics and manners in approaching patients. Individual and group counseling techniques are discussed in group discussion

DTK3215 Amalan Tingkahlaku Profesional/ *Practice of Professional Behaviour* 1 (0+1)

Prasyarat : DTK3214

Kursus ini merupakan kursus berasaskan pengalaman yang memberikan penekanan kepada Proses Penjagaan Pemakanan dalam aspek penilaian status pemakanan, diagnosis pemakanan, strategi intervensi serta pemantauan pemakanan pesakit. Penekanan turut diberikan kepada dokumentasi Proses Penjagaan Pemakanan

This course is an experience-based course that emphasizes Nutrition Care Process in terms of nutritional status assessment, nutritional diagnosis, intervention strategies and nutrition monitoring. Emphasis is also given to the documentation of the Nutrition Care Process

DTK3216 Terapi Pemakanan Perubatan I/ *Medical Nutrition Therapy I* 3 (2+1)

Prasyarat : DTK3211

Kursus ini merupakan pengenalan kepada terapi pemakanan perubatan. Penekanan diberi kepada hubungkait antara penyakit dengan prinsip modifikasi diet terapeutik sebagai komponen penting dalam proses penjagaan pemakananan pesakit. Kajian kes yang merangkumi perancangan, penyediaan dan penilaian diet terapeutik turut dijalankan

This course is an introduction to medical nutrition therapy. It focuses on the relationship between diseases and the principles of therapeutic dietary modification as an essential component of nutrition care process. Case study that includes planning, preparation and evaluation of therapeutic diets is conducted

DTK3217 Terapi Pemakanan Perubatan II/ *Medical Nutrition Therapy II* 3 (2+1)

Prasyarat : DTK3216

Kursus ini memfokuskan penyakit yang lebih kompleks dengan prinsip modifikasi diet terapeutik sebagai komponen penting dalam pengurusan pesakit. Kajian kes berdasarkan Proses Penjagaan Pemakanan turut ditekankan

This course focuses on complex diseases with the principles of therapeutic dietary modification as an essential component of patient management. Case study based on Nutrition Care Process is emphasised

DTK3218 Terapi Pemakanan Perubatan III/ *Medical Nutrition Therapy III* 3 (2+1)

Prasyarat : DTK3217

Kursus ini memfokuskan kepada penjagaan pemakanan pesakit unit khusus dan penjagaan kritikal dengan prinsip modifikasi diet terapeutik sebagai komponen penting dalam pengurusan pesakit. Kajian kes berdasarkan Proses Penjagaan Pemakanan turut ditekankan

This course focuses on special unit and critical care with the principles of therapeutic dietary modification as an essential component of patient management. Case study based on Nutrition Care Process is emphasised

DTK4901 Praktikum Profesional Dietetik (Perkhidmatan Makanan Institusi)/
Institutional Food Service Management Professional Practicum 4 (0+4)

Prasyarat : DTK3103

Kursus ini merangkumi latihan dan pengalaman bekerja di pelbagai operasi perkhidmatan makanan institusi. Ia bertujuan memberi kemahiran teknikal dan berfikir secara kritis terhadap operasi perkhidmatan makanan dan proses penjanaan pendapatan secara profesional dan beretika

This course encompasses training and work experience in various institutional food service operations. It aims to provide technical skills and critically think on the operation of food services and income generation processes in a professional and ethical manner

DTK4902 Praktikum Profesional Dietetik Klinikal/ *Clinical Dietetic Professional Practicum* 14 (0+14)

Prasyarat : DTK3218

Kursus ini meliputi praktikum profesional dietetik klinikal pesakit luar dan pesakit dalam wad. Ia membentuk kemahiran Terapi Pemakanan Perubatan termasuk saringan, penilaian status pemakanan, diagnosis, perancangan, intervensi, pemantauan dan dokumentasi Proses Penjagaan

Pemakanan pesakit. Kemahiran kaunseling secara individu dan kelompok yang berkesan turut ditekankan secara professional.

This course includes out-patient and in-patient clinical dietetic professional practicum. It develops the Medical Nutrition Therapy skills including screening, assessment, diagnosis, planning, intervention, monitoring and documentation of the patients' Nutrition Care Process. Effective individual and group counseling skills are also professionally emphasized

DTK4903 Praktikum Profesional Dietetik Elektif Klinikal/ *Elective Clinical Dietetic Professional Practicum* 6 (0+6)

Prasyarat : DTK3218

Kursus ini meliputi praktikum profesional dietetik klinikal elektif di institusi penjagaan kesihatan terpilih. Ia merangkumi sintesis pengalaman, di samping meningkatkan kemahiran klinikal dalam Proses Penjagaan Pemakanan pesakit di dalam pelbagai disiplin secara profesional dan beretika

This course includes an elective dietetic professional practicum in selected health care institutions. It encompasses the synthesis of experience, as well as enhances the clinical skills in Nutrition Care Process of patients in a variety of disciplines professionally and ethically

DTK4904 Praktikum Profesional Dietetik (Komuniti)/ *Community Dietetic Professional Practicum* 6 (0+6)

Prasyarat : PKK3403

Kursus ini meliputi praktikum profesional dietetik komuniti yang menekankan kepada penilaian keperluan dan pengurusan program intervensi dietetik di peringkat komuniti. Elemen keusahawanan dalam penajaan pendapatan, kemahiran merancang, menjalankan dan menilai program intervensi dietetik komuniti turut ditekankan secara profesional

This course covers the dietetic professional practicum which emphasizes the dietetic community needs assessment and program management of community dietetics interventions. Entrepreneurial element in income generation, skills to design, conduct and evaluate community dietetic intervention program is also emphasized, professionally

DTK4959 Disertasi Bachelo/ *Bachelor Dissertation* 6 (0+6)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi perancangan penyelidikan, pengumpulan, analisis dan tafsiran data, penyediaan dan pembentangan tesis. Penekanan diberi kepada kaedah saintifik dan etika profesional dalam penyelidikan

This course encompasses planning of research, collection, analysis and interpretation of data, preparation and presentation of thesis. Emphasis is on scientific research approach and professional ethics in research

PKK3001 Seminar: Isu semasa dalam Pemakanan dan Kesihatan/ Seminar: *Current Issues In Nutrition And Health* 2 (1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi isu dan perkembangan terkini dalam bidang pemakanan dan kesihatan. Penemuan terkini dalam bidang ini turut dibincangkan. Penekanan juga diberikan kepada penulisan artikel saintifik dan pembentangan seminar

The course covers issues and developments in the field of nutrition and health. The latest discoveries in this field are also discussed. Scientific articles writing and seminar presentations are emphasized

PKK3002 Biostatistik dan Kaedah Penyelidikan Pemakanan/ *Biostatistics and Research Methodology in Nutrition* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi asas biostatistik dalam penyelidikan saintifik dalam bidang pemakanan dan kesihatan komuniti. Reka bentuk dan perancangan penyelidikan, menganalisis dan menginterpretasi data, penulisan dan penyampaian hasil kajian dibincangkan

This course encompasses the basics of biostatistics in scientific research in the field of nutrition and community health. Research design and planning, data analysis and interpretation, report writing and presentation of research findings are discussed

PKK3003 Anatomi Dan Fisiologi Manusia/ *Human Anatomy and Physiology* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada sistem fisiologi dan anatomi manusia. Fungsi dan hubungan antara sistem badan serta proses dalam badan dalam mengekalkan taraf kesihatan yang optimum dibincangkan

This course encompasses an introduction to human physiological and anatomical systems. Functions and relationships among the body's system as well as processes in the body in maintaining optimal health conditions are discussed

PKK3100 Makanan, Masyarakat dan Budaya/ *Food, Society and Culture* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi perspektif evolusi sistem makanan manusia dan perkaitannya dengan diet, kesihatan dan penyakit. Ia juga menekankan tabiat dan corak diet serta maksud makanan dalam pelbagai budaya. Faktor penentu untuk tabiat dan corak diet dalam budaya yang berbeza dan implikasinya ke atas pemakanan dan kesihatan di peringkat individu, komuniti dan populasi dibincangkan

This course covers evolutionary perspectives of human food system and its relationship to diet, health and disease. It also emphasizes dietary habits and patterns and the meaning of foods in various cultures. Determinants of dietary habits and patterns in different cultures and their implications on nutrition and health at individual, community and population levels are discussed

PKK3104 Asas Pengurusan Perkhidmatan Makanan/ *Basic Foodservice Management* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep pengurusan sistem perkhidmatan makanan dalam pengeluaran makanan yang berkuantiti dan berkualiti secara komersial dan bukan komersial. Komponen penting dalam pengeluaran makanan bermula daripada perancangan menu, pembelian, penyimpanan dan kawalan inventori ditekankan. Penjagaan kebersihan premis untuk memastikan keselamatan makanan dan kemahiran keusahawanan juga ditekankan

This course encompasses the concepts of foodservice systems management in producing quantity and quality of commercial and non-commercial foods. The important components in food production beginning from menu planning, purchasing, storage and inventory control are emphasized. Sanitary premise maintenance to ensure food safety and entrepreneurial skills are also emphasized

PKK3105 Komposisi Dan Analisis Nutrien/ *Nutrient Composition and Analysis* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan elemen penting dalam analisis nutrien dan kesesuaiannya dalam bidang sains pemakanan. Elemen penting dalam analisis nutrien termasuk persampelan, kawalan kualiti, pembentangan data dan penggunaan data nutrien dalam pelbagai aplikasi pemakanan diberi penekanan. Penentuan kandungan makro- dan mikronutrien turut dilakukan

This course discusses important elements in nutrient analysis, and its suitability in the field of nutritional science. Important elements in nutrient analysis includes sampling, quality control, data presentation, and use of nutrient data in various nutrition applications are emphasised. The determination of macro- and micronutrient contents are carried out

PKK3107 Keselamatan Makanan untuk Kesihatan Pengguna/ *Food Safety for Consumer Health* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek keselamatan makanan meliputi keracunan makanan, pengendalian, pemprosesan dan penyimpanan makanan dalam perkhidmatan makanan. Analisis Bahaya Titik Kawalan (HACCP), aditif makanan, pelabelan pemakanan, peranan agensi kerajaan, industri makanan dan pengguna dalam memastikan makanan yang selamat turut dibincangkan

This course discusses food safety aspect includes food poisoning, handling, preparation, processing and storage in food services. Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP), food additives and nutritional labelling, roles of government agencies, food industries and consumers to ensure food safety are discussed

PKK3108 Teknik Makmal Dalam Penyelidikan Pemakanan/ *Laboratory Techniques in Nutritional Research* 2 (1+1)

Prasyarat : PKK3105

Kursus ini membincangkan konsep dan teknik makmal dalam penyelidikan pemakanan. Pelajar akan menjalankan persampelan, penyimpanan, merekod, dan menganalisis sampel dan data. Prinsip dan aplikasi pelbagai teknik makmal dan instrumen juga akan dibincangkan

This course discusses the concepts and laboratory techniques in nutrition research. Students will carry out sampling, keeping record and sample and data analysis. The principles and application of various laboratory techniques and instrumentations are also discussed

PKK3200 Prinsip Pemakanan Manusia/ *Principles of Human Nutrition* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas pemakanan manusia. Masalah kesihatan yang berkaitan dengan nutrien dan kepentingan Saranan Pengambilan Nutrien, Piringan Sihat dan Garis Panduan Pemakanan diberi penekanan

This course covers the basic principles of human nutrition. Health problems related to nutrients and the importance of Recommended Nutrient Intake (RNI), Healthy Plate and Malaysian Dietary Guidelines are emphasized

PKK3203 Pemakanan Dalam Kitaran Hidup/ *Nutrition Throughout the Life Cycle* 3 (3+0)

Prasyarat : PKK3200

Kursus ini merangkumi pertumbuhan dari peringkat persenyawaan sehingga dewasa serta pemakanan sebagai pengaruh persekitaran yang penting terhadap pertumbuhan dan perkembangan terutamanya pada tempoh kritikal. Implikasi malnutrisi dari segi biologi dan tingkahlaku terhadap pertumbuhan dan perkembangan dibincangkan

This course encompasses human growth from conception to adulthood as well as nutrition as an important environmental influence on growth and development especially during critical periods. Biological and behavioural implications of malnutrition on growth and development are discussed

PKK3204 Biokimia Pemakanan/ *Nutritional Biochemistry* 4 (3+1)

Prasyarat : PKK3200

Kursus ini merangkumi biokimia dan metabolisme nutrien dan perkaitannya di dalam memiara homeostasis tubuh. Ketidakeimbangan nutrien dan kesan ke atas metabolisme tubuh, petunjuk biokimia di dalam gangguan pemakanan dan metabolisme diberi penekanan

This course encompasses biochemistry and metabolism of nutrients and their interactions in maintaining body homeostasis. Nutrient imbalance and its effect on body metabolism, biochemical indicators of nutritional disorders and inborn errors of metabolism are emphasized

PKK3206 Genetik Dan Pemakanan/ *Genetics and Nutrition* 2 (2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengetahuan asas dalam genetik, konsep asas gen dan komponennya, warisan dan pandangan mengenai teknologi genetik yang telah berkembang pada masa kini. Pelajar juga akan didedahkan dengan nutrigenomik dan interaksi nutrien dan gen. Implikasi terhadap kesihatan dan penyakit juga dibincangkan

This course covers fundamental knowledge in genetics, basic concept of genes and its components, inheritance and overview of genetic technologies which have been developing currently. Students also will be exposed to nutrigenomic and nutrient and gene interactions. Implications on health and disease are discussed

PKK3207 Pemakanan Klinikal I/ *Clinical Nutrition I* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menerangkan laluan biokimia dalam mendiagnosis penyakit berkaitan dengan pemakanan seperti diabetes, penyakit jantung, kanser, anemia dan prosedur standard yang perlu dipatuhi. Pelajar juga mempelajari konsep farmakologi, pengelasan drug, cara drug bertindak dan kesan sampingan drug. Data yang diperolehi dari ujian biokimia akan digunakan untuk memilih kaedah pengurusan penyakit yang bersesuaian

This course explains the biochemical pathway in diagnosis of nutrition-related diseases such as diabetes, heart disease, cancer, anaemia and standard procedure that need to be followed. Students also learn the concepts of pharmacology, drug classification, their action as well as the side effects. Data from biochemical assessment will be used to select the suitable management of the diseases

- PKK3208 Pemakanan Klinikal I/ *Clinical Nutrition I* 3 (3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini merangkumi aspek fisiologikal penyakit berkaitan dengan pemakanan dan hubung kait di antara penyakit dan nutrien yang terlibat. Prinsip dan konsep pemakanan terapi sebagai panduan dalam perancangan diet terapeutik dan kesan ubatan dalam merawat penyakit akan dibincangkan
This course encompasses physiological aspects of nutritionrelated diseases and the relationship between disease and nutrient involved. Principles and concepts of nutritional therapy as guidelines in the planning of therapeutic diets dan implications of drugs on disease treatment are discussed
- PKK3302 Epidemiologi Asas/ *Basic Epidemiology* 3 (3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini mengandungi prinsip asas epidemiologi dalam kesihatan komuniti dan klinikal, kaedah epidemiologi dalam penyelidikan dan kaedah statistik yang digunakan dalam epidemiologi
This course covers the basic principles of epidemiology in community and clinical health, epidemiologic methods in research and statistical methods used in epidemiology
- PKK3303 Kesihatan Ibu dan Anak/ *Maternal and Child Health* 3 (2+1)
 Prasyarat : PKK3203
 Kursus ini merangkumi kesihatan ibu dan anak termasuk kesalinggantungan antara ibu dan anak, pertumbuhan dan perkembangan yang optimum bagi kanak-kanak melalui pemakanan dan kesihatan. Keperluan perkhidmatan dan program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk meningkat status kesihatan ibu dan anak turut dibincangkan
This course encompasses maternal and child health which includes the interdependence between mothers and children, optimal growth and development of children through nutrition and health. The need for maternal and child health services and programmes at national and international levels to improve their health status are discussed
- PKK3304 Tingkahlaku dan Kesihatan/ *Behaviour and Health* 3 (3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini merangkumi pengetahuan perkaitan di antara tingkahlaku dan kesihatan. Ia juga memberi fokus terhadap faktor yang mempengaruhi, membolehkan dan memperkukuhkan tingkahlaku. Kaedah penyelidikan tingkahlaku dan kesihatan serta perkaitan di antara factor tingkahlaku dan status kesihatan juga ditekankan
This course encompasses knowledge on the relationship between behavior and health conditions. It will also focus on predisposing, enabling and reinforcing factors to behavior. Research methods in health and behavior and associations between behavioral factor and health status are emphasized

PKK3401 Penilaian Taraf Pemakanan dan Kesihatan/ *Assessment of Nutritional and Health Status* 3 (2+1)

Prasyarat : PKK3200

